



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Paras 25, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang
<http://www.penang.gov.my>

Tel: 04-2615613
Fax: 04-2618618

Ruj. Kami : PPSUKPP/05/0755/2 Klt. 2 (4)

Tarikh : 3 Syaaban 1429
5 Ogos 2008

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Jabatan Berkanun Negeri

Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN BIL. 1 TAHUN 2008

PEMILIKAN SISTEM APLIKASI – PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan menerangkan peranan dan tanggungjawab jabatan/agensi negeri dalam memantapkan penggunaan sistem-sistem aplikasi ICT yang telah dibangunkan untuk memperkasakan proses kerja dan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

LATARBELAKANG

2. Selaras dengan penggunaan ICT yang meluas dalam memantapkan proses kerja dalam jabatan, maka Ketua-Ketua Jabatan perlulah memberi

perhatian khusus dalam mempercepat penggunaan sistem-sistem aplikasi yang telah dibangun.

3. Justeru itu, bidang tugas dan peranan yang dimainkan oleh semua anggota awam negeri yang terlibat dalam penguatkuasaan dan penggunaan sistem aplikasi yang dibangun perlu jelas bagi memastikan sistem-sistem aplikasi yang dibangun mencapai matlamat dan sasarannya.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

4. Tanggungjawab dan peranan yang terlibat dalam pembangunan dan pelaksanaan sesuatu sistem aplikasi melibatkan tiga (3) pihak yang utama iaitu **pemilik proses kerja (*business proses owner*), pengguna (*user*) dan pembangun sistem aplikasi (*system developer*).**

5. Pemilik proses kerja yang berperanan sebagai **pemilik sistem aplikasi MESTI** terdiri daripada ketua jabatan atau ketua unit/bahagian/seksyen yang terlibat.

6. Pemilik sistem boleh menamakan seorang pegawai sebagai pegawai bertanggungjawab ke atas semua urusan berkaitan dengan pembangunan, penambahbaikan, penyelenggaraan dan pelaksanaan serta perluasan sistem aplikasi berkaitan.

7. Peranan dan tanggungjawab tersebut diperjelaskan dengan terperinci di jadual seperti di Lampiran A.

PEMAKAIAN

8. Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Jabatan dan Agensi Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan Negeri untuk diterima pakai.

TARIKH KUATKUASA

9. Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Jamaludin Bin Hasan'. The signature is written in a cursive style with a prominent initial 'J'.

[DATO' JAMALUDIN BIN HASAN]

**TANGGUNGJAWAB / PERANAN
PEMILIK, PEMBANGUN DAN PENGGUNA SISTEM APLIKASI**

PEMILIK SISTEM APLIKASI
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tentukan pasukan projek yang terdiri dari pemilik dan pengguna ▪ Tentukan pegawai bertanggung jawab/ <i>contact person</i> ▪ Menyediakan maklumat berkaitan proses kerja semasa ▪ Menyemak dan mengesahkan skop, KPI dan jadual projek pembangunan sistem ▪ Mengenalpasti entiti yang terlibat dan isu-isu yang akan timbul dalam proses kerja dan melaksanakan pengurusan perubahan ▪ Mengenalpasti dan mengesahkan format input/output ▪ Menyemak, memberi maklumbalas dan pengesahan ke atas dokumen kajian keperluan pengguna (<i>User Requirement Study - URS</i>) ▪ Memberi maklumbalas dan cadangan ke atas rekabentuk yang dibentangkan ▪ Menguji dan mengesahkan fungsi setiap modul yang dibangunkan (ujian awal dan akhir) bersama pasukan teknikal ICT dan pengguna sistem ▪ Mempromosikan pelaksanaan sistem kepada pengguna sasaran ▪ Menentukan pengguna dan kategori atau tahap capaian pengguna sistem aplikasi ▪ Menguruskan senarai pengguna yang akan terlibat dalam latihan pengguna ▪ Menguatkuasakan penggunaan sistem dikalangan pengguna ▪ Memantau pelaksanaan dan keberkesanan sistem secara berterusan ▪ Memaklumkan sebarang masalah dan keperluan peningkatan sistem kepada pembangun sistem ▪ Mengemaskini proses kerja semasa selaras dengan proses kerja pengkomputeran yang baru dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada senarai tugas pegawai/kakitangan berkaitan

PEMBANGUN SISTEM APLIKASI (*SYSTEM DEVELOPER*)

- Tentukan pasukan projek yang terdiri dari PTM dan PPTM
- Tentukan pegawai bertanggung jawab/ *contact person* / ketua projek
- Membentangkan pengurusan projek dari segi pasukan projek, KPI, jadual projek pembangunan sistem dan kawalan projek semasa mesyuarat pertama pelaksanaan projek (*kick-off meeting*)
- Melaksanakan kajian keperluan pengguna
- Membentangkan URS merangkumi skop, proses kerja pengkomputeran dan rekabentuk sistem
- Mengenalpasti entiti yang terlibat dan isu-isu yang akan timbul dalam proses kerja dan mencadangkan pengurusan perubahan
- Membentangkan prototaip sistem dibangunkan
- Menguji fungsi setiap modul yang dibangunkan berdasarkan simulasi data dan/atau persekitaran proses kerja berkaitan
- Membantu pemilik sistem dalam mempromosikan pelaksanaan dan penggunaan sistem
- Mengatur dan memberi latihan penggunaan sistem
- Memantau dan melaksanakan penyelenggaraan berjadual ke atas sistem aplikasi, server mahupun pangkalan data bagi memastikan sistem aplikasi berfungsi sepanjang masa
- Berunding dan menjalankan kerja-kerja penambahbaikan dan perluasan sistem aplikasi berdasarkan keperluan perubahan teknologi serta keperluan baru pemilik sistem

PENGGUNA SISTEM APLIKASI

- Terlibat dalam fasa kajian keperluan pengguna
- Menyediakan maklumat berkaitan proses kerja
- Mengenalpasti entiti yang terlibat dan isu-isu yang akan timbul dalam proses kerja dan melaksanakan pengurusan perubahan
- Mengenalpasti dan mencadangkan format input/output
- Memberi maklumbalas ke atas dokumen URS
- Memberi maklumbalas dan cadangan ke atas rekabentuk yang dibentangkan
- Menguji dan mengesahkan fungsi setiap modul yang dibangunkan (ujian awal dan akhir) bersama pasukan teknikal ICT dan pemilik sistem
- Memaklumkan maklumat pengguna sistem dan sebarang maklumat perubahan pengguna kepada pemilik sistem aplikasi
- Melaksanakan penggunaan sistem di jabatan/unit berkaitan
- Memaklumkan sebarang masalah teknikal berkaitan dengan sistem kepada pembangun sistem aplikasi
- Memaklumkan sebarang keperluan peningkatan atau keperluan baru kepada pemilik sistem
- Mengemaskini proses kerja semasa selaras dengan proses kerja pengkomputeran yang baru dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada senarai tugas pegawai/kakitangan berkaitan